



Headline	TNB kempunan rampas takhta Divisyen Perdana		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	31 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	459,793
Page No	23	Readership	1,854,000
Language	Malay	ArticleSize	250 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,600
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,801



## TNB kempunan rampas takhta Divisyen Perdana

KUALA LUMPUR - Tenaga Nasional Berhad (TNB) gagal memanfaatkan peluang untuk merampas takhta Divisyen Perdana apabila sekadar seri 2-2 dengan Sapura dalam saingan Liga Hoki Malaysia di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil semalam.

Selepas menang selesa 4-2 ke atas Universiti Kuala Lumpur (UniKL) kelmarin, TNB gagal mengulangi kecemerlangan apabila mensia-siakan banyak peluang terhidang, termasuk kelebihan mendahului dua kali.

Biarpun memberi tekanan berterusan sehingga akhir permainan, namun benteng pertahanan Sapura berjaya mengekang asakan lawan.

TNB membuka jaringan menerusi kapten, Muhamad Amin Rahim yang menewaskan penjaga gol Sapura, Mohd. Hairi Abdul Rahman hasil pukulan sudut penalti di minit ketiga.

Sapura beroleh peluang merapatkan jurang selepas menerima pukulan sudut penalti pada minit keempat, namun gagal disempurnakan oleh Megat Azrafiq Megat Tarmizi.

Walaupun menggandakan asakan ke kubu lawan dan mencipta beberapa gerakan bahaya menerusi Faizal Saari dan Muhammad Firhan Ashari, namun TNB gagal menambah ja-

ringan.

Sebaliknya, Sapura menyamakan kedudukan pada minit ke-30 hasil pukulan sudut penalti kedua yang diperoleh. Kali ini Khasif Ali tidak melakukan kesilapan apabila menyempurnakan peluang dengan baik.

Namun begitu, TNB kembali di depan dua minit sebelum tamat babak pertama apabila Faizal yang tidak dikawal medakkan gol dari sudut sukar.

Sebaik sahaja separuh masa kedua bersambung, TNB menguasai serangan, sementara Sapura lebih gemar melakukan serangan balas.

Keampuhan benteng Sapura gagal ditembusi TNB, yang sebaliknya di-

kejutkan dengan gerakan kilat lawan pada minit ke-54 apabila Khasif melepaskan pukulan kencang untuk menewaskan penjaga gol kebangsaan, S. Kumar.

Dalam saingan Divisyen Satu, TNB Thunderbolts diikat 2-2 oleh Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil, manakala Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI) tumpas 1-3 kepada Universiti Tenaga Nasional (Uniten) di Stadium hoki Taman Daya, Johor Bahru.



PEMAIN MBI, Heiry Pami (kiri) dihalang pemain Nur Insafi pada aksi Divisyen 1 Liga Hoki Malaysia di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil semalam.  
- MINGGUAN/RUSHDI SALLEH